

01/04/2003

Konflik Iraq-Amerika ajar umat Islam erti perpaduan

Tajuddin Saman

PENCEROBOHAN Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq pasti meninggalkan kesan kehancuran yang amat serius terhadap negara dan rakyatnya. Ia juga suatu kehancuran kepada sejarah ketamadunan Islam yang begitu banyak di Iraq.

Bagaimanapun, ia turut membawa rahmat tersembunyi kepada umat Islam, termasuk di negara kita. Kesan pencerobohan itu membuktikan sekiranya umat Islam berpecah belah dan sentiasa berbalah tanpa hujung pangkal, terutama mengenai kepentingan bersama, maka inilah bala yang akan ditimpakan oleh Allah kepada kita.

Sejarah membuktikan, baik umat Islam Arab atau Melayu, punca kejatuhan kita adalah kerana kemelut dalaman kita sendiri dan bukan sangat kerana kekuatan pihak musuh.

Bekas Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie pernah mengatakan: "Sebenarnya komunis itu tidak kuat, tetapi mereka akan menjadi kuat kalau kita lemah..."

Selepas lebih seminggu menceroboh dan menjahanamkan struktur negara serta kehidupan rakyat Iraq, ternyata Amerika dan sekutunya tidaklah sekuat yang dicanangkan oleh media mereka dengan gahnya sebelum ini.

Sebaliknya, daripada beberapa tentera Amerika yang berjaya ditawan oleh Iraq jelas sekali menunjukkan mereka itu masih terlalu "kanyar" (istilah utara yang bermaksud terlalu muda dan tidak ada pengalaman), tetapi kalau kita dengar propaganda media Barat, kita mungkin berasa gerun dengan alat kelengkapan serta bala tentera Amerika dan sekutunya.

Kalau kita lihat dan dengar hebahan berita media Barat, kita mungkin menyimpulkan: "Kali ini habislah Iraq dan umat Islam di negara itu..."

Namun, hakikatnya Amerika dan sekutunya itu tidak sehebat gambaran yang dilukiskan oleh media Barat. Mereka tidak mustahil dikalahkan oleh Iraq meskipun Baghdad berada dalam keadaan serba daif dengan segala macam sekatan serta tipu daya kuasa besar dunia terhadap negara Islam itu.

Seperkara yang menjadi rahmat tersembunyi daripada pencerobohan Amerika dan sekutunya ke atas Iraq ialah kini baru terdengar suara yang melaungkan perpaduan ummah yang sejati.

Di negara kita sendiri, kian ketara sekarang bagaimana pemimpin Pas melaungkan suara yang senada dengan pemimpin Umno.

Inilah kematangan politik yang sentiasa disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kita boleh berbalah dalam perkara tertentu tetapi tidak semua perkara,

termasuk apabila kepentingan bersama kita cuba diperlekeh dan dirosakkan oleh musuh.

Kita yakin sekiranya setiap ahli politik sama ada parti pembangkang atau kerajaan mengutamakan rasional dan tidak emosional setiap kali berdepan dengan sesuatu isu, maka insya-Allah, generasi Islam akan datang boleh berasa selamat untuk menghadapi masa depan mereka yang penuh seribu satu cabaran.

Begitu juga dengan dunia Islam di Timur Tengah, sekiranya seluruh orang Arab bersatu padu seperti yang pernah ditunjukkan Muslim di bawah pimpinan Rasulullah, maka datanglah sehebat mana pun bala tentera musuh, Islam pasti akan menang.

Masalah Muslim ialah kita sukar bersatu padu, sebaliknya selalu mengamalkan cara hidup yang tidak diajar oleh Islam. Islam menyuruh bersatu, kita berpecah belah; Islam menyuruh kita bantu membantu sesama Muslim, kita bergaduh sesama sendiri.

Tinta catatan sejarah kecamukan sikap Muslim ini sudah terlalu banyak mengalir di dunia Islam sehingga kita mudah saja diperlekeh dan ditundukkan oleh musuh. Sampai bila kita harus mengulangi kesilapan ini?

Semoga pencerobohan Amerika dan sekutunya ke atas Iraq akan menyedarkan seluruh Muslim sedunia mengenai kepentingan ukhuwah Islamiah sebenar dan sejati.

Apabila sikap dan mentaliti baru ini wujud semula, barulah mudah umat Islam sedunia merangka strategi baru untuk menghadapi pencerobohan musuh secara bersama.

Fikirkanlah langkah baru bagaimana menentang kezaliman musuh Islam.

Tiba masanya, umat Islam sedunia menubuhkan Tabung Ekonomi Islam Antarabangsa berasaskan konsep Tabung Haji seperti yang wujud di negara kita demi mengangkat maruah serta martabat umat Islam sedunia.

Cendekiawan Islam dari negara kita seperti Prof Diraja Ungku Aziz mungkin boleh membantu merangka sesuatu yang bernas dalam menghidupkan strategi baru Muslim sedunia menghidupkan wadah perjuangan baru umat Islam di peringkat antarabangsa.

Mulai saat ini adalah lebih baik setiap umat Islam berfikir mengenai cara dan kaedah untuk mengukuhkan perjuangan daripada membazirkan masa dengan perkara remeh-temeh dan merugikan orang Islam sendiri.

TAJUDDIN SAMAN,
Putrajaya.